Arahan: *Jawab* **semua** *soalan daripada* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B** *serta* **satu** *soalan daripada* **Bahagian C**.

Bahagian A Sistem Bahasa

Soalan 1 – 12

Lengkapkan ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. "Saya mahu _____ bekerjasama untuk menyiapkan projek tanaman ini," kata Cikgu Zainal kepada murid-muridnya.
   A dia **C** engkau
   B kamu **D** kalian

2. Bakat yang perlu ada pada seseorang yang ingin menjadi penyanyi ialah suara yang _____.
   A merdu **C** halus
   B kuat **D** perlahan

3. Kemahiran _____ sangat penting dalam kalangan kakitangan awam dan swasta.
   A komunikasi
   B senyuman
   C pergerakan
   D perhubungan

4. Perasaan cinta _____ negara daripada sebarang penjajahan adalah salah satu semangat nasionalisme.
   A pada
   B kepada
   C akan
   D demi

5. Sebagai majikan, kita mestilah sentiasa _____ akan para pekerja.
   A tegas
   B prihatin
   C garang
   D sombong

Soalan 6 *berdasarkan gambar di bawah.*

6. Allahyarham Dato' Sudirman Haji Arshad pernah terpilih sebagai _____ terbaik dalam Asian Popular Music Award.
   A penyampai
   B penghibur
   C pendatang
   D penggubal

7. Setiap murid perlu menghasilkan se_____ pantun tentang kerjaya idaman mereka.
   A biji
   B keping
   C rangkap
   D patah

8. Rakyat Malaysia mestilah _____ untuk mempopularkan permainan tradisional.
   A berganding bahu
   B berpegangan tangan
   C berpandangan mata
   D bertolak ansur

9. Ibu bapa haruslah memberikan _____ kepada anak-anak untuk mencapai cita-cita.
   A kewangan C herdikan
   B tamparan D sokongan

10. Sultan di negeri itu tidak ketinggalan _____ bersama-sama rakyat bagi menyempurnakan program kemasyarakatan.
   A menitahkan
   B memperkenan
   C mencemar duli
   D menjunjung titah

11. Diana berasa sungguh _____ apabila diumumkan sebagai pekerja terbaik bulan Jun di syarikatnya.
   A pilu
   B sebak
   C kecewa
   D gembira

12. Puan Kartini sangat arif tentang _____ tempat kerjanya.
   A remuk-redam C riuh-rendah
   B selok-belok D kusut-masai

Soalan 13 – 14

Pilih **peribahasa** *yang* **paling sesuai**.

13. Masyarakat di Malaysia haruslah bekerjasama membangunkan negara kerana _____.
   A bersatu kita teguh, bercerai kita roboh
   B hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih
   C biar pecah di perut, jangan pecah di mulut
   D yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran

14. Anggota polis haruslah berhati-hati dengan penjenayah yang diburu kerana _____.
   A malang tidak berbau
   B ukur baju di badan sendiri
   C pandu cermat jiwa selamat
   D di mana ada kemahuan di situ ada jalan

Soalan 15

Pilih **ayat tanya** *yang sesuai bagi jawapan yang diberikan.*

15. Encik Nathan berpesan kepada anak-anaknya agar menghormati kaum-kaum lain.
   A Siapakah yang berpesan kepada anak-anak Encik Nathan?
   B Bagaimanakah pesanan Encik Nathan kepada anak-anaknya?
   C Apakah pesanan Encik Nathan kepada anak-anaknya?
   D Mengapakah Encik Nathan berpesan kepada anak-anaknya?

Soalan 16

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

16. I Perasmian kelab kompang kampung telah ketua kampung rasmikan.
   II Encik Azlan merupakan pekerja termuda di syarikat tersebut.
   III Remaja kini semakin meminggirkan permainan tradisional.
   IV Mahkamah memberi tempoh selama dua bulan setengah kepada syarikat itu untuk membayar ganti rugi kepada pekerja yang dipecat.
   A I dan II C I, II, dan III
   B III dan IV D II, III, dan IV

Soalan 17

Pilih ayat yang mengandungi maksud yang **sama** *atau maksud yang* **paling hampir** *dengan* **ayat yang dicetak tebal**.

17. **"Kamu harus menjaga nama baik negara agar tidak tercemar," kata ibu kepada Hanisah.**
   A Ibu meminta Hanisah memastikan negara tidak tercemar.
   B Ibu mengingatkan Hanisah supaya menjaga nama baik negara agar tidak tercemar.
   C Hanisah menasihati ibunya agar menjaga nama baik negara daripada tercemar.
   D Negara harus Hanisah pastikan tidak tercemar seperti yang diperkatakan oleh ibunya.

Soalan 18 – 20

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

"Kami yang tua-tua ni tak terdaya nak terus bertani. Itu sebab kami nak lepaskan, daripada langsung tidak diusahakan. Sekarang syarikat itu dah batalkan rancangan mereka, nampaknya terus tinggal terbiarlah tanah tu, jadi tempat tikus bertandak!"

Terdengar keluhan dalam kalangan tetamu tidak diundang itu.

Alif menarik nafas. Dia bersabung pandang dengan mata emak. Dia Nampak emak mengejipkan mata semacam memberi isyarat. Tidak semena-mena dia nampak wajah abah terselit dalam kerumunan orang ramai itu.

"Saya ada rancangan untuk petak-petak itu. Saya minta izin dan restu semua tuan tanah."

"Buat apa?"

Ada suara mencelah laju.

"Estet padi!"

Petak-petak itu kini menguning berbuah emas. Projek estet padi mini berkeluasan 58.609 hektar dengan penglibatan 15 orang tuan tanah semakin menampakkan hasil.

Saujana mata memandang. Inilah ganjarannya jika kita berbudi kepada tanah, dia teringat semula akan kata-kata abah. Dia tetap sabar menunggu esok untuk menuai emas.

(Dipetik daripada cerpen *Menuai Emas*,
Antologi Baik Budi, Indah Bahasa, Tingkatan 2,
Kementerian Pendidikan Malaysia)

18. Mengapakah petani-petani hendak melepaskan tanah milik mereka?

A Mereka sudah tidak terdaya untuk bertani

B Tanah itu tidak pernah diusahakan oleh mereka

C Alif hendak membeli tanah itu untuk diusahakan

D Syarikat pemaju membatalkan rancangan untuk membeli tanah itu

19. Yang berikut merupakan perwatakan Alif dalam petikan di atas, **kecuali**

A berani.

B penakut.

C penyabar.

D baik hati.

Petak-petak itu kini menguning berbuah emas. Projek estet padi mini berkeluasan 58.609 hektar dengan penglibatan 15 orang tuan tanah semakin menampakkan hasil.

20. Apakah peribahasa yang sesuai dengan pernyataan di atas?

A Ada gula ada semut

B Air dicencang tiada putus

C Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan

D Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung

Bahagian B Sistem Bahasa dan Pemahaman

1. *Lengkapkan petikan di bawah dengan* **kata hubung** *yang betul.*

manakala	kerana	sambil	walau bagaimanapun
yang	dan	tetapi	untuk

Doktor perubatan merupakan salah satu cabang sains hayat berkenaan menjaga (i) _____ mengekalkan kesihatan. Dengan kata lain, perubatan ialah sains (ii) _____ mencegah dan menyembuhkan penyakit. (iii) _____, istilah ini lebih banyak digunakan untuk perkara yang berkaitan doktor dan doktor bedah. Perubatan meliputi pengetahuan sains dan penggunaan pengetahuan tersebut. Terdapat pelbagai jenis cabang sains perubatan (iv) _____ spesifik kepada organ dan penyakit tertentu, sama seperti jawatan perubatan. Sains perubatan ialah pengetahuan mengenai sistem badan dan penyakit, (v) _____ jawatan perubatan merujuk kepada struktur sosial kumpulan manusia yang dilatih secara rasmi untuk menggunakan pengetahuan tersebut bagi merawat penyakit.